

Kekacauan rugikan semua

Kekalkan

keamanan: PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Rakyat Malaysia perlu menjaga kestabilan negara kerana tidak ada sesiapa yang akan untung jika keamanan negara terganggu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan bahawa rakyat Malaysia perlu menghormati kuasa yang diberikan kepada agensi kerajaan seperti polis dan tentera untuk menjaga keamanan dan keselamatan.

"Amatlah buruk akibatnya jika negara kita diserang gejala seperti tunjuk perasaan, mogok, penggunaan kekerasan untuk menggulingkan kerajaan, rusuhan kaum dan tindakan lain di luar undang-undang, yang sering berlaku di negara lain," katanya dalam perutusan khas sempena Aidilfitri melalui RTM malam ini.

Beliau turut bersyukur kerana keadaan buruk itu tidak berlaku di negara ini disebabkan majoriti rakyat Malaysia masih menghargai kestabilan dan perpaduan.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, percubaan mengha-

BH 27 APR 1990

Oleh

WAN HAMIDI HAMID

tumbuhan ekonomi negara menunjukkan perkembangan yang baik dalam tempoh empat tahun berturut-turut.

Katanya, pertumbuhan ekonomi negara bagi 1989 ialah 8.5 peratus, iaitu tahun kedua berturut-turut bagi pertumbuhan yang melebihi lapan peratus.

"Pertumbuhan ekonomi negara yang baik bukanlah bahan kebanggaan kerajaan tetapi adalah untuk dinikmati bersama oleh rakyat keseluruhannya," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat menyambut Aidilfitri kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Islam.

lang pihak polis daripada menjalankan tugas atau percubaan mengambil alih tugas mereka amat berbahaya kerana ia memberi kesempatan kepada pihak lain bertindak balas.

"Sekiranya ini berlaku maka akan runtuhlah aturan sosial dan akan tercetuslah anarki (kekacauan). Jika anarki berlaku kehidupan kita tidak lagi akan selamat.

"Huru-hara akan menimpa kita. Seperti mana yang kita lihat di beberapa negara lain, sekali anarki tercetus amatlah sukar memulihkan keadaan," ujarnya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berharap rakyat Malaysia turut mendoakan supaya anggota polis, tentera dan pasukan keselamatan lain sentiasa sihat dan selamat sewaktu bertugas ketika Hari Raya Pua-

sa. Mengenai ekonomi negara, Perdana Menteri berkata, per-

puas hati kerana banyak projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan wujudnya kestabilan dan pemulihan ekonomi.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan orang Islam supaya bersyukur sebagai umat yang insaf, bertakwa dan kuat berpegang dengan luanas-lunas yang diredai Allah.

"Memanglah kita harus bergembira dan menikmati pelbagai hidangan tetapi janganlah kita menyambut hari yang mulia ini dengan keseronokan semata-mata. Kita hendaklah menyambut hari kebesaran ini mengikut luanas-lunas tertentu," katanya.

Selain itu, beliau turut menasihatkan rakyat supaya memandu dengan cermat dan berhati-hati sewaktu pulang berhari raya.

"Pandulah dengan cermat supaya hari raya tidak diselubungi kesedihan," katanya.